

SUMBANGAN TAMADUN ISLAM DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT DI ALAM MELAYU HINGGA ABAD KE-17

M

Oleh:
Ali Mohammad*

Abstract

The advent of Islam in the Malay World affected the life of the societies a great deal. The present article aims at discussing about several changes and renewels which were introduced by Islam in various aspects of life such as aqidah and thinking, society and law, politics and knowledge, language and writing which were initiated from the beginning of Islam till the 17th century. The changes introduced by Islam turned the Malays into a developed nation on the basis of Islamic Civilization.

Pendahuluan

Sebelum kedatangan Islam, agama dan budaya Hindu-Buddha sudah bertapak kukuh dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Alam Melayu hingga berabad-abad lamanya. Agama dan budaya ini begitu kuat dan sangat jelas mempengaruhi sistem politik, sosial, ekonomi dan pemikiran masyarakat Alam Melayu. Agama Hindu boleh dikatakan menjadi anutan kebanyakan masyarakat atasannya seperti golongan istana kerana ianya amat sesuai untuk menjaga kepentingan sosial dan politik mereka sendiri.¹ Manakala

* Ali Mohammad, Ph.D adalah Profesor Madya di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, c. 1, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., h. 267.

rakyat biasa atau bawahan selalunya menganut dan berpegang kepada kepercayaan Animisme.

Sejarah awal kedatangan Islam ke Alam Melayu merupakan isu yang terus diperdebatkan dalam kajian sejarah Asia Tenggara. Ini berpunca daripada ahli sejarah, khususnya yang mengkaji tentang sejarah kedatangan Islam masih kekurangan bukti berhubung dengan isu tersebut. Hal ini menimbulkan pelbagai pandangan mengenai masa, tempat dan arah tuju Islam di rantau ini. Mengenai arah kedatangan Islam, terdapat sekurang-kurangnya tiga pendapat utama iaitu; Islam datang daripada Arab, China dan India.

Namun demikian, secara umumnya kedatangan atau pertapakan Islam dan perkembangannya di Kepulauan Melayu berlaku pada abad ke 12 M atau ke 13 M. Ia tersebar di Sumatera diikuti oleh Melaka pada ke-15 M² dan kemudiannya oleh Pulau Jawa. Pada permulaan abad ke 16 M, Islam merupakan agama yang kukuh dianuti oleh penduduk di Pulau Maluku, selepas itu berlaku pula pengislamatan di Borneo dan Filipina.

Kedatangan Islam Dan Perkembangannya

Terdapat pelbagai faktor yang dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu. Berdasarkan tulisan-tulisan para sarjana, antara faktor utama ialah peranan para pedagang dalam penyebaran Islam di laluan-laluan dan kawasan-kawasan perdagangan, penyebaran dilakukan oleh pendakwah agama khususnya ahli sufi, faktor persaingan kuasa Islam tempatan dengan mereka yang belum Islam sehingga menimbulkan kesedaran politik dalam penyebaran Islam, faktor yang dimainkan oleh istana raja-raja Melayu dalam pelbagai aspek, faktor kelebihan Islam itu sendiri sebagai satu agama dan faktor penentangan terhadap kuasa-kuasa Eropah Kristian,

² M. Rajendran (1993), *Sejarah Islam*. Petaling Jaya: IBS Buku, c. 2, h. 363.

seperti Portugis dan Sepanyol yang membawa kepada perkembangan Islam di Alam Melayu ini dengan pesatnya.

Menurut Dr Siddiq Fadil³ perkembangan dan kemantapan Islam di rantau ini tidak dihasilkan hanya dengan usaha sambil lewa para pedagang dan tidak juga semata-mata kerana sikap pak turut orang-orang Melayu, tetapi berkat usaha gigih dan bijaksana para da'ie yang komited dari kalangan para pedagang, mubaligh, ulama, kaum sufi raja dan bala tentera.

Tidak dapat dinafikan bahawa kedatangan Islam telah membawa banyak perubahan dan kesan kepada corak pemikiran dan sosio-budaya masyarakat Melayu. Agama Islam telah membawa ajaran dan tamadun yang lebih tinggi dan lengkap, lebih rasional dan logik serta lebih mudah diterima oleh masyarakat Melayu. Berpandukan kepada konsep rasionalisme inilah, masyarakat di Alam Melayu dengan sendiri menolak kepercayaan tahuul Hindu dan fahaman Animisme.⁴ Akhirnya Tamadun Islam sedikit demi sedikit telah berjaya melunturkan kegemilangan tamadun Hindu sebelumnya di Alam Melayu.

Artikel ini antara lain akan membincangkan beberapa aspek pembaharuan dan perubahan yang dibawa oleh Islam, seperti dari segi sosial, budaya dan pemikiran masyarakat Melayu. Walaupun tamadun dan pengaruh Hindu tidak dapat dilunturkan sepenuhnya berikutan dari pertapakan dan perkembangan Islam, namun secara umumnya boleh dikatakan bahawa sebahagian besar Tamadun Islam berjaya mengatasi tamadun Hindu, malah dapat mengubah cara hidup mereka bersesuaian dengan ajaran Islam yang maha suci.

³ Dr Siddiq Fadil (1986), *Gerakan Islam Di Dunia Melayu-Tuntutan Zaman Dan Cabaran Lingkungan*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 97.

⁴ Dr Haji Abdullah Ishak (1992), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, c. 2, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Islam, Kuala Lumpur, h. 134.

Perkara utama yang perlu ditegaskan tentang impak daripada kedatangan Islam ke Alam Melayu ini ialah tentang peranannya dalam konteks pensejarahan dan ketamadunan masyarakat di Alam Melayu. Ia menampilkkan suatu hakikat bahawa Islam telah berjaya membawa era baru di rantau ini dan meninggalkan era lama yang wujud sebelumnya.

Pengaruh Akidah Dan Pemikiran

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mempengaruhi banyak aspek sebagaimana yang dinyatakan di atas; bahawa ia "*mencetuskan suatu zaman baru*". Pengaruh yang dibawa oleh Islam merupakan suatu kesan menyeluruh berasaskan paradigma *tauhid*. Impak *tauhid* tersebut menyebabkan kesan yang berlaku itu merangkumi "*rupa dan jiwa*" masyarakat di Alam Melayu ini. Pengaruh tersebut bukan hanya melibatkan pertukaran watak luaran tetapi terkesan daripada falsafah dan pemikiran Islam yang tulen.⁵

Ledakan *tauhid* ini telah mencetuskan zaman baru dan meninggalkan zaman kehidupan pengaruh Buddha dengan metodologinya, dengan alam khayalannya, penyembahan berhalanya dan dengan kepentingan kepada keseniannya. *Tauhid* itu juga membuatkan kehidupan beribadah, menghiasi *akhlas* yang bernilai *tasawwuf*, juga mencetus perubahan-perubahan lain seperti dalam bidang sosial, politik, perundangan, keilmuan, kesusasteraan atau persuratan dan sebagainya.

Islam telah membawa perubahan yang besar dan ketara dalam merubah kepercayaan dan corak pemikiran masyarakat Alam Melayu. Islam telah membawa unsur-unsur yang rasional, intelektual dan logik akal di mana mereka diajar supaya mempercayai Tuhan iaitu Allah yang Maha Esa. Secara logiknya dunia ini tidak boleh dipimpin dan diperintah oleh banyak tuhan kerana jika demikian,

⁵ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 268.

sudah pastilah dunia ini menjadi huru-hara dan kelam-kabut lantaran akan berlaku percanggahan pendapat dan perintah di kalangan tuhan yang banyak itu. Oleh yang demikian, memang logik dan benarlah bahawa Tuhan hanya satu iaitu Allah S.W.T. Yang Maha Berkuasa.

Pandangan serta falsafah pemikiran masyarakat Alam Melayu juga turut berubah setelah mereka menerima ajaran Islam. Sebagai contoh, Islam menyuruh umatnya supaya berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal agar disenangi dan dihormati oleh semua orang. Jika gagal sekalipun, Islam menyuruh umatnya agar tabah dan sabar serta menghargai nyawa yang diberikan oleh Allah S.W.T. dan redha dengan ketentuanNya, bukannya berputus asa dan membunuh diri.

Pembaharuan Dalam Aspek Sosial

Berikutan dengan perkembangan Islam di Alam Melayu, ciri-ciri sosial Islam juga telah bertapak secara beransur-ansur yang akhirnya berjaya mengambil tempat ciri-ciri sosial Hindu yang menguasai masyarakat ketika itu. Antara ciri-ciri sosial yang dibawa oleh Islam ialah persamaan taraf dan persaudaraan Islam antara semua anggota masyarakatnya, sehingga tergugat kedudukan sistem kasta dan perhambaan serta perbezaan taraf di kalangan mereka. Dengan terhapusnya sistem kasta yang dipengaruhi oleh budaya dan tamadun Hindu itu, Islam telah menggantikannya dengan memperkenalkan sistem atau konsep persamaan taraf dan persaudaraan Islam, malah berjaya mewujudkan perpaduan, kemesraan dan semangat bantu membantu antara satu sama lain.⁶

Konsep kasta ini secara khususnya terbahagi kepada empat golongan iaitu *Brahmin*, *Ksatria*, *Vaisya* dan *Sudra*.⁷ Namun

⁶ M. Rajendran (1993), *op.cit.*, h. 370.

⁷ Mahayudin Hj. Yahya (1998), *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 109.

demikian, secara umumnya ia terbahagi kepada dua kelompok iaitu golongan bangsawan atau pemerintah (raja) dan golongan rakyat jelata (biasa) yang menjadi hamba kepada golongan pemerintah atau bangsawan tersebut. Rakyat biasa bukan sahaja menjadi hamba dalam aspek pemerintahan dan politik, malah juga dalam semua aspek seperti nikah - kahwin.

Setelah kedatangan Islam ke rantau ini, konsep kasta dilihat tidak lagi relevan kerana Islam menegaskan bahawa manusia berasal dari Adam dan Hawa.⁸ Kedudukan dan taraf manusia dinilai berdasarkan iman dan taqwanya, bukan pada pangkat dan darjah kebangsawanan seperti yang diamalkan oleh tamadun Hindu melalui sistem kasta tersebut.

Islam juga mengarahkan manusia supaya hidup secara aman dan harmoni serta mewujudkan perpaduan. Masyarakat dibentuk dengan sifat dan rasa tanggungjawab serta saling bantu-membantu antara satu sama lain, sifat atau akhlak yang mulia amat ditekankan oleh Islam. Mereka juga ditüpkan dengan semangat kerjasama dan perpaduan dengan menganggap bahawa seluruh umat Islam adalah satu anggota. Akibat daripada semangat tersebut, muncullah konsepsi bahawa seluruh umat Islam di dunia ini adalah bersaudara.⁹ Dengan cara itu terbentuklah masyarakat yang bersatu padu dan mempunyai hubungan yang erat, walaupun masyarakat tersebut terdiri dari pelbagai bangsa dan keturunan. Secara tidak langsung, apabila hubungan masyarakat sudah kukuh tali persaudaraannya, tentunya negara mereka menjadi kuat dan stabil serta dapat mempertahankan diri daripada gangguan dan ancaman anasir-anasir luar.

Bagi mendidik masyarakat, Islam telah memperkenalkan hukum-hukum dan peraturan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadîth. Ajaran agama Islam telah mengatur sistem perhubungan sosial dan

⁸ Mahayudin Hj. Yahya (1998), *op.cit.*, h. 375.

⁹ Dr Haji Abdullah Ishak (1992), *op.cit.*, h. 132.

kekeluargaan yang cukup menarik kepada masyarakat. Contohnya dalam perhubungan antara anak-anak dengan ibu bapa, suami dengan isteri, orang tua dengan orang muda, pemimpin dengan rakyat dan sebagainya. Melalui hukum dan peraturan itu, akan terbentuklah nilai akhlak yang mulia dan harmoni dalam perhubungan sosial antara individu dan kumpulan masyarakatnya. Komunikasi antara kelompok manusia akan dapat berjalan dengan sempurna, terjalin menerusi sifat hormat menghormati, bergotong-royong dan bantu-membantu antara satu sama lain.¹⁰

Selain daripada itu, institusi-institusi baru kemasyarakatan juga turut muncul seperti masjid, surau, madrasah dan sebagainya yang memainkan peranan utama dalam hubungan sosial harian. Tempat-tempat seperti ini bukan sahaja berguna sebagai tempat beribadat tetapi juga sebagai tempat pertemuan sosial. Masjid umpamanya menjadi tempat menimba ilmu, dewan tempat bermesyuarat dan kelab untuk membincangkan pelbagai masalah dan urusan, sama ada dalam perkara agama atau bagi menyelesaikan hal-hal kemasyarakatan yang dihadapi.

Pembaharuan Dalam Aspek Politik

Sesungguhnya kebijakan rakyat hanya dapat disempurnakan dengan wujudnya pemerintah. Peranan tersebut adalah sukar dilaksanakan secara individu, kewujudan pemerintahan adalah cara terbaik untuk menyempurnakan kebijakan rakyat. Ia meliputi pengurusan dan pentadbiran yang cekap serta memerlukan kepada pemerintah sebagai penyelaras kuasa. Tolong menolong, bekerjasama dan bersatu padu adalah unsur-unsur yang perlu dan penting supaya kebijakan rakyat dapat dipenuhi. Unsur-unsur ini selamanya tidak akan mencapai tahap kecemerlangan tanpa wujudnya pemerintah yang adil.

¹⁰ *Ibid.*, h. 133.

Bertolak dari unsur di atas, Islam yang tiba di Alam Melayu juga tidak mengabaikan aspek politik dan pentadbiran demi untuk menjaga maslahat rakyat keseluruhannya. Islam telah mengambil alih tempat yang paling penting dalam kehidupan masyarakat Melayu dan politik di rantau ini. Kebudayaan di Alam Melayu selepas menerima Islam menjadi sebahagian dari kebudayaan Dunia Islam yang lebih luas. Semua perkembangan yang wujud di lain-lain tempat turut dirasai dan mempengaruhi penduduk-penduduk Islam di rantau ini.¹¹

Oleh kerana ajaran Islam berbeza dengan pegangan asal orang Melayu sebelumnya, maka seluruh aspek pegangan yang diamalkan terpaksa berubah. Demikianlah juga halnya dalam aspek politik orang Melayu. Perubahan ketara yang telah dibawa oleh Islam ke Alam Melayu yang telah menerima ajarannya ialah unsur-unsur politik Islam yang berbentuk sangat, saksama, adil, mengenal hak dan bertanggungjawab telah mempengaruhi masyarakatnya.¹²

Salah satu aspek utama perubahan dalam bidang politik dan pentadbiran ialah Islam berjaya mempengaruhi sifat dan watak pemerintah atau sultan yang bertakhta di kebanyakan negeri di rantau ini ketika itu. Rata-rata struktur politik pemerintahan Islam di Alam Melayu menggembangkan tenaga seluruh rakyat bagi memperjuang dan mempertahankan ajaran Islam, negara dan umatnya.¹³ Selain daripada itu, antara watak yang berjaya dibentuk oleh Islam terhadap sultan-sultan juga ialah mendorong mereka supaya meminati ilmu dan mendekati para ulama, hingga istana-istana menjadi pusat pengajian Islam yang utama.¹⁴ Ini berlaku kepada sultan-sultan yang terkenal seperti Sultan Malik al-Zahir (Samudera-Pasai), Sultan Mansur Shah (Melaka) dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (Acheh).¹⁵ Ramai juga sultan-sultan Melayu yang terpengaruh dan

¹¹ *Ibid.*, h. 130.

¹² *Ibid.*, h. 131.

¹³ *Ibid.*, h. 132.

¹⁴ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 250.

¹⁵ Dr Haji Abdullah Ishak (1992), *op.cit.*, h. 144.

menerima ilmu atau amalan tasawwuf seperti Sultan Muhammad Yusuf al-Khalidi (Riau) dan Sultan Iskandar Muda (Acheh)¹⁶ serta lain-lain lagi.

Sikap para sultan Acheh yang begitu mengambil berat terhadap agama dan ilmu pengetahuan telah menjadikannya sebagai pusat pengajian Islam yang unggul di rantau ini pada waktu itu dan menjadi tumpuan para ulama dan mubaligh. Untuk itu kerajaan Acheh telah mendirikan pusat-pusat pendidikan rakyat yang ditempatkan di masjid-masjid di seluruh negeri, malah pusat pengajian yang lebih tinggi juga telah didirikan dan mereka yang berminat menyambung pelajaran seterusnya akan pergi ke Mekah, India atau Mesir.¹⁷

Konsep dan sistem pemerintahan pada zaman pengaruh Hindu-Buddha telah bertukar kepada konsep dan sistem sultan dalam Islam walaupun tidak secara total. Sultan sebagai ketua negara yang menjalankan undang-undang keadilan, menjaga dan melindungi hak-hak serta kepentingan rakyat. Sultan juga menjadi ketua agama dan adat yang bertanggungjawab menjaga keutuhan agama dan keharmonian adat. Sultan tidak dianggap sebagai manusia paling suci seperti kepercayaan zaman Hindu-Buddha sebelumnya. Namun begitu, sewaktu kedatangan Islam masyarakat menganggap sultan adalah manusia yang mulia, para sultan dianggap mempunyai daulat (kekuasaan halus) yang hanya dimiliki oleh raja dan tidak boleh diganggu-gugat.¹⁸

Konsep daulat berkembang apabila sultan dikaitkan dengan pelbagai mitos tentang asal-usul, jurai keturunan dan salasilah serta kebolehan fizikal dan kerohanian luar biasa. Daulat juga dihubungkan dengan tuah yang dimiliki oleh sultan tersebut, iaitu

¹⁶ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 258.

¹⁷ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 256.

¹⁸ *Ibid.*, h. 252.

apabila keadaan negeri aman dan makmur, perdagangan berkembang pesat, tanaman hidup subur, ternakan membiak dan rakyat bertambah ramai, maka sultan tersebut dianggap bertuah dan berdaulat. Dengan itu, rakyat mestilah menjalankan titah perintah sultan dan sesiapa yang menentang dianggap menderhaka.¹⁹ Ini bermakna kedatangan Islam berjaya mengubah watak dan sifat raja atau sultan kepada sifat yang lebih positif. Aspirasi Islam menjelma melalui nama-nama sultan dan negara, dahulunya bercirikan Hindu mula ditukar kepada Islam.

Kitab *Tajus-Salatin* (1603 M) karya Bukhari al-Jauhari²⁰ merupakan satu penulisan mengenai bidang politik atau ketatanegaraan Alam Melayu. Beliau dianggap pelopor dalam bidang ini yang telah mempengaruhi karya-karya berikutnya, *Bustanus-Salatin* (1638 M) oleh Nuruddin Al-Raniri dan *Sulalatus-Salatin* (1612 M) oleh Tun Seri Lanang. Dengan itu jelas sekali memperlihatkan pengaruh Islam di dalam pemikiran politik rantau ini setelah kedatangan Islam. Pengarangnya telah mengulas sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang penguasa atau pemerintah seperti sifat amanah, adil, terbuka, sama rata, beriman dan budiman, lemah lembut, tidak melanggar hukum Allah dan syari'ah, mengasihi para ilmuwan dan menerima nasihat mereka, mengambil berat keadaan rakyat serta lain-lain.

Pengaruh Undang-undang Islam

Salah satu aspek perubahan penting yang telah dicetuskan oleh Islam di rantau ini ialah bidang perundangan. Di Melaka contohnya, terdapat dua teks penting undang-undang yang ternyata sekali banyak terpengaruh dengan ajaran Islam iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Penampilan kedua-dua teks undang-undang ini dapat mempamerkan dengan jelas bahawa

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*, h. 257.

peraturan Islam pernah diamalkan di rantau ini, bukan sahaja sebagai undang-undang diri tetapi juga sebagai undang-undang jenayah, mu'amalah, kekeluargaan, keterangan dan acara dan sebagainya berpandukan undang-undang Islam.²¹

Perihal pengamalan Islam sebagai undang-undang di Alam Melayu umumnya dan di Tanah Melayu khususnya, telahpun dibuat dalam suatu keputusan dalam mahkamah Inggeris yang mengatakan bahawa sememangnya Undang-undang Islam itu adalah undang-undang asal negeri ini.²² Prof. Ahmad Ibrahim juga menyatakan hal yang sama iaitu "*Sebelum kedatangan penjajah Inggeris undang-undang Islam sudah dilaksanakan di Malaysia, dan hakim-hakim British mengakui bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang negeri ini*".²³

Jika dikaji mengenai Kanun Melaka, ternyata bahawa Islam telah berjaya mempengaruhi sistem perundangan di Melaka. Mukaddimah undang-undang tersebut dimulai dengan konsep keislaman, kemudian ditakrif kedudukan jawatan Sultan Mahmud dan raja-raja Melaka sebagai Khalifah al-Mukminin. Terdapat satu fasal undang-undang tersebut berhubung dengan menteri-menteri, pegawai istana dan pasukan tentera supaya mereka hendaklah bertindak berdasarkan firman Allah di dalam al-Qur'an dan menjalankan suruhanNya untuk membuat kebaikan dan mencegah dari kemungkaran.

Apa yang diperkatakan oleh undang-undang Kanun Melaka itu memang bertepatan dengan laporan Sejarah Melayu (*Sulalat al-Salatin*), iaitu tentang wasiat Sultan Mansur Shah kepada puteranya Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah dengan sebuah hadith Nabi yang bermaksud bahawa; "*Setiap orang adalah pemimpin dan dia*

²¹ Dr Haji Abdullah Ishak (1992), *op.cit.*, h. 148.

²² Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 272.

²³ Prof. Ahmad Ibrahim (1981), *Perundangan Islam: Dasar, Matlamat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 123.

*bertanggungjawab di atas pimpinannya.....*²⁴ (Daripada Ibn 'Umar-Hadith disepakati). Ia menuntut agar rakyat taat setia kepada pemerintahnya dan pemerintah pula bertanggungjawab ke atas rakyat pimpinannya.²⁵ Sultan 'Alauddin dikatakan pernah meniru jejak langkah Khalifah 'Umar Ibn al-Khattab yang menyamar diri di waktu malam untuk menyiasat kesusahan rakyatnya. Sultan 'Alauddin berbuat demikian kerana ingin menghapuskan perompak-perompak yang bermaharajalela di Melaka ketika itu. Menurut Sejarah Melayu juga, tindakan Sultan 'Alauddin itu yang sanggup menumpaskan sendiri kegiatan-kegiatan mencuri pada zamannya²⁶ telah berjaya mengamankan semula keadaan pelabuhan Melaka.

Undang-undang Pahang pula berkemungkinan merupakan perlembagaan negeri itu sejak tahun 1592, Pahang diisytharkan sebagai *Dār al-Islām* dengan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (1592-1614) sebagai Khalifah. Undang-undang Pahang menggunakan hampir sepenuhnya peraturan berdasarkan hukum Islam. Daripada 68 fasal semuanya, 42 fasal merupakan terjemahan daripada undang-undang fiqh mazhab Shāfi'e. Menurur pendapat *W. Linehan*, selepas tahun 1450-an M, agama Islam dijadikan agama rasmi di negeri itu.²⁷ Berpandukan kepada fakta sejarah bahawa penerimaan agama Islam di Pahang, dikatakan berlaku abad ke-15 M atau lebih tepat selepas negeri itu ditakluki oleh Melaka.

Islam juga memainkan peranan yang besar dalam sistem pemerintahan Melayu di Terengganu. Dari beberapa fakta sejarah yang ditemui, dapatlah ditegaskan bahawa Terengganu juga merupakan antara negeri-negeri di Tanah Melayu yang telahpun menerima Islam selewat-lewatnya pada abad ke-13 M.²⁸ Pada catatan

²⁴ Dr Farouq Hamadah (1988), *Dalil al-Gharibin Ilad al-Salihin*. Morroco: Dar al-Thaqafah, Dar al-Baidha', hh. 191, 199 & 369

²⁵ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 270.

²⁶ *Ibid.*, h. 254.

²⁷ Dr Haji Abdullah Ishak (1992), *op.cit.*, h. 41.

²⁸ *Ibid.*, h. 40.

di atas Batu Bersurat Terengganu, terdapat bukti bahawa hukum Islam mengenai kesalahan berzina dilaksanakan di negeri itu sejak tahun 1303 M lagi.

Oleh itu, ternyata bahawa undang-undang Islam telah terlaksana di negeri tersebut, malah terbukti betapa pentingnya peranan Terengganu sebagai kawasan pengaruh Islam ketika itu.²⁹ Hal tersebut dapat dibuktikan melalui catatan Batu Bersurat mengenai hukum jenayah dan mu'amalah Islam, seperti menerangkan kesalahan orang-orang yang mencuri, berzina dan perkara-perkara yang berhubung dengan hutang piutang.

Dalam sistem pemerintahan Aceh pula, terdapat keterangan mengenai kedudukan Islam dalam pentadbiran negeri itu. Snouck Hurgrounge dalam tulisannya *The Achinese* mendakwa bahawa undang-undang Islam amat kuat dilaksanakan di Aceh berbanding dengan negeri-negeri lain di Alam Melayu. Jawatan pentadbir undang-undang tertinggi di bawah Kesultanan Aceh ialah Qadhi Malik al-'Adil, manakala di setiap kampung terdapat ketuanya sendiri yang merupakan pemimpin masyarakatnya, sekaligus merupakan seorang imam yang bertanggungjawab bagi pentadbiran dalam urusan-urusan agama.³⁰

Kesedaran Tentang Ilmu Pengetahuan

Kedatangan Islam ke rantau ini telah banyak memberi kesedaran dalam aspek pendidikan dan ilmu pengetahuan masyarakat Melayu. Islam telah melahirkan semangat keilmuan di kalangan penduduknya untuk mencari dan mempelajari ilmu pengetahuan. Menurut Profesor Syed Muhamad Naquib al-Attas bahawa; "*Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih*

²⁹ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 243.

³⁰ *Ibid.*, h. 256.

merebak di kalangan rakyat jelata".³¹ Faktor asasi yang merupakan punca kesedaran atau punca revolusi kebudayaan ini ialah penjelasan rasional mengenai konsep perihal *wujud* yang dibawa untuk pertama kalinya oleh Islam.

Pandangan sarjana tersebut menunjukkan kesedaran yang dicetuskan oleh Islam meliputi juga bidang keilmuan. Hal berkenaan juga menggambarkan pola kesedaran dalam aspek-aspek yang bersifat keilmuan ini yang melibatkan golongan atasan dan istana malahan juga golongan bawahan dan rakyat jelata.

Kedatangan Islam telah berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat di Alam Melayu ke arah bersifat ilmiah dan saintifik serta dapat meninggalkan era sebelumnya yang mengutamakan sesuatu yang bersifat tahuyl dan khayalan untuk menuju ke sesuatu yang berbentuk realistik. Semenjak penerimaan Islam, kegiatan agama, ilmu dan pendidikan Islam diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh para ulama dan pendakwah Islam.³² Seluruh masyarakatnya termasuk raja dan kerabatnya, pembesar serta rakyat jelata didedahkan dengan ilmu pengetahuan Islam. Maka secara langsung atau tidak langsung telah mengubah persepsi atau tanggapan masyarakat terhadap pegangan agama, kebudayaan dan ilmu pengetahuan.

Mengikut pandangan sebahagian penulis tempatan, Alam Melayu mementingkan sesuatu yang menggunakan akal, pemahaman ilmu metafizika serta pandangan hidup yang munasabah pada akal yang sihat. Alam Melayu juga muncul sebagai pusat keilmuan, ramai tokoh-tokoh ilmuan yang lahir di rantau ini seperti Nuruddin al-Raniri, Shamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf Singkil, Hamzah al-Fansuri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain lagi.³³ Institusi pondok

³¹ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1972), *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 96.

³² Dr Haji Abdullah Ishak (1992), *op.cit.*, h. 166.

³³ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 256.

tumbuh dengan pesatnya sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan menjadi institusi tumpuan masyarakat serta tempat mempertahankan tradisi suci yang diajar oleh Islam. Perkembangan ini telah membawa perubahan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhannya.

Perkembangan sistem pendidikan di Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan. Antara jenis ilmu yang sentiasa diambil berat ialah ilmu *syar'iyyah* atau *naqliyyah* yang merangkumi tiga asas utama agama Islam iaitu *usuluddin*, *fiqh* dan *tasawwuf*.³⁴ Kitab-kitab yang menjadi rujukan utamanya seperti *al-Durr al-Manzūm* oleh al-Shirāzi, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* oleh Imam al-Ghazālī dan *Minhaj al-Talibīn* oleh Imam al-Nawawi. Pendidikan dan ilmu pengetahuan Islam ini tersebar luas ke kawasan-kawasan sekitan Alam Melayu seperti di Jawa, Banjar, Riau, Pattani, Terengganu, Kelantan dan lain-lain.

Perkembangan Bahasa Dan Penulisan

Kedatangan Islam ke Alam Melayu juga telah berjaya memartabatkan bahasa Melayu dengan cara membentuk para penggunaanya menuturkan perkara-perkara yang bersifat ilmiah, membicarakan persoalan metafizik, falsafah dan saintifik. Isu-isu sebegini sukar didapati sebelum kedatangan Islam.

Bahasa Melayu juga menjadi bahasa perantaraan dan bahasa ilmu di kawasan Alam Melayu sekitar abad ke-15 M hingga ke-17 M. Melaka contohnya sebagai sebuah pelabuhan antara bangsa ketika itu dikunjungi oleh para pedagang dan pendakwah dari pelbagai negara di dunia, bahasa Melayu diguna pakai dalam pertuturan oleh berbagai bangsa yang datang dan berurus di pelabuhan tersebut. Malah bahasa ini dikatakan telah menjadi salah satu bahasa umat

³⁴Abd. Rahman Haji Abdullah (2000), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 145.

Islam yang tertinggi bilangan penggunanya. Ia menjadi bahasa rasmi kepada lebih daripada seratus juta umat manusia di Alam Melayu iaitu sebagai bahasa “*lingua franca*” di rantau ini.

Suatu hal yang sangat penting diberi tumpuan ialah aspek tulisannya. Kedatangan Islam di rantau ini telah memperkenalkan tulisan jawi dalam bahasa Melayu, tulisan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan tulisan atau huruf Arab sebagai bahasa al-Qur’ān dan huruf Parsi. Seiring dengan kemunculan bahasa Melayu bertulisan jawi tersebut maka bermulalah perkembangan sastera tulisan, sedangkan sebelumnya cuma terdapat sastera lisan sahaja.³⁵ Dengan itu, fungsi penulisan dan kesusasteraan telah bertukar daripada konsep berhibur semata-mata kepada pendidikan keilmuan.

Apa yang jelas bahawa zaman kebangkitan kuasa Kesultanan Melayu Islam di Alam Melayu, isu-isu yang diberi tumpuan dalam penulisan Melayu berkisar dalam tiga tema utama. *Pertama*, karya yang bertemakan tasawwuf dan falsafah, seperti hasil karya Hamzah al-Fansuri. *Kedua*, karya kesusasteraan yang berbentuk keagamaan dan ketatanegaraan, seperti hasil karya Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain. *Ketiga*, kisah-kisah lagenda Islam seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan lain-lain. Tema-tema yang dikemukakan ini membezakan pendekatan sebelumnya³⁶ yang membicarakan tentang dewa-dewa dari pengaruh Hindu-Buddha.

Malah ketokohan Hamzah al-Fansuri dalam bidang penulisan sangat ketara sehingga dapat mewarnai alam intelektual di rantau ini. Mungkin kerana sifat-sifat intelektualisme yang begitu menonjol dalam karya-karyanya itulah yang menyebabkan Prof. Syed Muhamad Naquib al-Attas meletakkannya sebagai “Bapa Sastera Melayu Moden” dan sekaligus sebagai pelopor syair Melayu.

³⁵ Abd.Rahman Haji Abdullah (1981), *op.cit.*, h. 269.

³⁶ *Ibid.*, h. 256.

Berikut itu, perkara yang paling penting di sini ialah mengenai bahasa Melayu yang telah digunakan sebagai bahasa pengucapan intelektual, dengan abjad Arab (Jawi) sebagai media tulisannya. Hasil dari kegiatan intelektualisme inilah bermulanya detik pembangunan rasionalisme yang tidak pernah berlaku di manapun sebelumnya di Alam Melayu. Zaman ini juga telah membawa perubahan pada pandangan hidup dan dasar kebudayaannya serta mengubahnya dari dasar estetik kepada dasar saintifik.³⁷

Penutup

Kesimpulan dari paparan di atas, jelaslah bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memberi kesan yang besar dan meluas dalam kehidupan masyarakatnya. Sehingga dengan itu telah berjaya merealisasikan ajaran dan tuntutan Islam di kalangan mereka secara berkesan, sekali gus dapat mengangkat martabat mereka ke tahap yang lebih baik dan bermaruah. Keadaan tersebut berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan mereka baik di kalangan individu, keluarga, masyarakat atau negara.

Kedatangan Islam telah membawa perubahan menyeluruh kepada sistem kehidupan masyarakat Alam Melayu seperti akidah atau agama, sosial, politik, pemikiran, perundangan, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Namun, masih terdapat sebahagian bentuk budaya atau adat dari pengaruh Hindu sebelumnya diamalkan seperti adat bersanding dalam majlis perkahwinan dan lain-lain.

³⁷ *Ibid.*, h. 257.